

26/07/1997

PM mahu wakil negara di PBB kerja kuat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan delegasi Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya bekerja kuat di badan dunia itu.

Amanat itu disampaikan oleh Perdana Menteri kepada Presiden Sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB (Unga) Tan Sri Razali Ismail yang mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Ketika ditemui pemberita selepas pertemuan kira-kira sejam itu, Razali berkata: "Tak ada apa-apa yang dipesan kepada saya ... mungkin kepada delegasi Malaysia mesti bekerja kuat dalam semua bidang di United Nations (PBB),"

Sementara itu, Razali yang kini dalam lawatan rasmi lima hari di Malaysia bermula Isnin lalu berkata, Malaysia menerima sokongan negara rantau ini untuk menjadi ahli bukan tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 1999-2000.

Menurutnya, setakat ini Malaysia sudah menerima pengesahan dari negara berkenaan untuk membolehkannya dipilih sebagai ahli majlis itu.

"Kita sudah menerima pengesahan dari negara rantau ini untuk dipilih sebagai ahli majlis berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan 'Malaysia, PBB dan Cabaran Masa Depan' di Auditorium Institut Tadbiran Awam Malaysia (Intan) Bukit Kiara, di sini.

Kira-kira 200 pegawai kanan sektor awam dan swasta menghadiri majlis berkenaan yang dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Adam Abdul Wahab.

Majlis Keselamatan PBB mempunyai 10 ahli bukan tetap yang mendudukinya untuk tempoh dua tahun selain lima ahli tetap yang mempunyai kuasa veto, iaitu Amerika Syarikat, Britain, China, Perancis dan Russia.

Beliau juga berkata, Malaysia perlu mempunyai pegawai yang mampu menguasai isu antarabangsa meliputi pelbagai aspek bagi mewakili negara ke persidangan antarabangsa.

Menurutnya, pegawai Malaysia yang menyertai persidangan bertaraf dunia juga perlu menguasai perhubungan pelbagai hala kerana kini isu sejagat semakin kompleks.

Dalam konteks ini, katanya, adalah tidak wajar seseorang pegawai dihantar menyertai persidangan antarabangsa hanya semata-mata kerana dia mewakili atau mempunyai hubungan dengan kementerian atau agensi tertentu.

"Apa yang saya maksudkan ialah sesiapa saja pegawai Malaysia yang menyertai persidangan antarabangsa perlu mampu melihat kepelbagaian isu dalam aspek yang berbeza.

"Isu antarabangsa kini meliputi pelbagai peringkat perhubungan yang mempunyai dimensi yang berbeza bagi setiap isu.

"Oleh itu sesiapa sahaja yang membuat perundingan mewakili Malaysia (di peringkat antarabangsa) mesti mampu melihat semua aspek dalam pelbagai isu," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan perlu mempunyai sebuah agensi untuk melatih dan melahirkan pegawai yang mempunyai kemampuan seperti itu, Razali berkata:

"Saya fikir Malaysia akan mempunyai sebuah agensi yang menyusun atau membuat penyelenggaraan bagi melahirkan pegawai untuk persidangan antarabangsa."

Bagaimanapun, katanya, soal itu bukan semata-mata berhubung keperluan mewujudkan sebuah agensi khusus, tetapi semua pihak terbabit perlu memikirkan

jauh ke depan melebihi sekadar apa yang ada sekarang.

Dalam ucapannya, Razali turut menyentuh pelbagai isu antarabangsa termasuk kedudukan PBB dalam era masa kini dan masa depan.

(END)